

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW

KAWASAN : KEPONG

TARIKH : 26 OKTOBER 2016 (RABU)

NO. SOALAN : 31

YB DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan usaha memastikan pihak industri boleh mendapat para pekerja asing dengan kos munasabah tanpa dieksplotasikan dan birokrasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 19 Februari 2016, Kerajaan telah mengumumkan penangguhan pengambilan semua pekerja asing dari semua negara sumber.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan penangguhan pengambilan pekerja asing tersebut bertujuan supaya Kerajaan dapat mengenal pasti keperluan sebenar tenaga kerja asing sepetimana yang diperlukan oleh industri-industri di negara ini. Di samping itu, ia bertujuan untuk memberi peluang kepada majikan menggaji rakyat tempatan di sektor-sektor yang didominasi oleh pekerja asing.

3. Kerajaan kemudiannya telah mengumumkan kenaikan kadar levi pekerja asing berkuatkuasa pada 18 Mac 2016. Kenaikan kadar levi bagi sektor perkilangan dan pembinaan adalah sebanyak 48%, dari RM1,250 kepada RM1,850. Sektor perladangan dan pertanian pula masing-masing meningkat dari RM590 dan RM410 kepada RM640. Levi untuk sektor perkhidmatan dan pembantu rumah asing masih kekal dan tiada perubahan. Kenaikan kadar levi ini adalah sebagai satu faktor pendorong supaya majikan mempergiatkan usaha automasi kilang serta menggaji lebih ramai pekerja tempatan.

4. Pada bulan Mei 2016, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menubuhkan suatu jawatankuasa khas (*Task Force*) bertujuan untuk memberi kelonggaran dan mempertimbangkan permohonan pengambilan pekerja asing bagi tiga sektor kritikal, iaitu pembinaan, perladangan dan perkilangan. Pertimbangan diberikan secara *case-to-case basis* bagi mengatasi isu kekurangan tenaga kerja dalam tiga sektor berkenaan. *Task Force* ini diketuai oleh KDN dan dianggotai oleh agensi-agensi kawal selia (AKS) dari 3 sektor tersebut, iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi pembinaan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bagi perladangan dan MITI bagi perkilangan. Jabatan Tenaga Kerja (JTKSM) pula ditugaskan meneliti permohonan dari aspek perburuhan.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelonggaran yang diberikan menerusi *Taskforce* ini hanya melibatkan dua pihak iaitu di antara syarikat yang memohon dengan agensi kerajaan sahaja iaitu KDN dan AKS. Tiada penglibatan pihak ketiga atau orang tengah dibenarkan antara pihak syarikat serta agensi bagi tujuan mengelakkan

pengenaan kos/caj yang tidak munasabah dan eksploitasi serta birokrasi. Semua permohonan perlu dihantar secara terus kepada KDN di *One Stop Centre (OSC)*, KDN Putrajaya. Setelah syarikat menerima kelulusan secara terus dari KDN, syarikat hanya perlu membayar levi mengikut bilangan pekerja asing yang diluluskan dan tiada kos-kos lain yang perlu dibayar kepada Kerajaan.